

Evening Crest Sdn. Bhd,
C-03A-01, Colonial Tower Empire City Damansara,
Damansara Perdana, Jalan PJU 8,
47820 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
(U/P : Encik Azman Bin Mat Noor)

Tuan,

PENGANJURAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) TAHUN 2024

Sukacita saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 3 April 2024 yang lepas serta kertas kerja mengenai perkara di atas adalah berkaitan.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan menyambut baik hasrat pihak tuan untuk bekerjasama atau berkolaborasi bersama KWSP Alor Setar bagi menjayakan **Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)** berkenaan dalam tahun 2024 serta keperihatinan pihak tuan dalam usaha meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan kehidupan para peserta atau kumpulan sasar tertentu di dalam sektor tidak formal yang kebanyakannya terdiri daripada golongan B40 melalui simpanan awal di KWSP sebagai satu galakkan serta rangsangan untuk menabung di bawah produk i – Saraan dan menikmati pelbagai manfaat yang disediakan demi masa depan yang lebih baik.

3. Sepertimana yang dimaklumi, pendaftaran awal di KWSP boleh di awal dibuat seawal usia 14 tahun dan produk i – Saraan ini adalah satu **inisiatif mencarum di bawah caruman sukarela** yang diperkenalkan oleh KWSP di mana ianya memberi peluang kepada ahli sama ada yang bekerja sendiri, tidak bekerja atau tiada pendapatan tetap serta pekerja di bawah ekonomi gig untuk menerima insentif khas daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan persaraan di samping menikmati manfaat – manfaat lain dan tertakluk kepada syarat – syarat yang telah ditetapkan seperti berumur 60 tahun ke bawah, warganegara Malaysia dan ahli KWSP. Melalui simpanan di KWSP ini, ahli juga turut mempunyai pilihan untuk memiliki pelan perlindungan dari ketidakpastian di masa hadapan di bawah **Produk i-lindung KWSP** serendah RM 5.00 setahun tertakluk kepada had umur serta tawaran daripada Syarikat Insuran & Takaful (SIT) yang dilantik oleh KWSP di samping mengikut kemampuan kedudukan kewangan masing - masing di KWSP.

4. Sehubungan dengan itu, besarlah harapan di pihak kami untuk mengadakan perbincangan lanjut mengenai perkara ini berdasarkan ketersediaan di pihak tuan pada bila – bila masa bagi merealisasikan Program CSR berkenaan melalui kerjasama strategik demi manfaat kepada semua pihak. Bersama-sama ini juga dimajukan konsep pelaksanaan Program CSR (**Lampiran A**) dan kumpulan sasar dari sektor tidak formal (**Lampiran B**) untuk pertimbangan sebagai makluman dan rujukan awal pihak tuan. Sebarang pertanyaan, perbincangan dan maklumbalas, sukacita sekiranya pihak tuan dapat menghubungi **Encik Azmi Bin Mat Noor, Ketua Seksyen Relationship & Advisory di talian : 012-5977834 atau email, nazmi@epf.gov.my**. Semoga usaha yang kecil ini dapat membawa kebaikan kepada semua pihak serta mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah S.W.T.



5. Kerjasama daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

"MALAYSIA MADANI"

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'MD Sabri Bin Hamid', written over a light blue grid background.

MD SABRI BIN HAMID

Ketua Cawangan
KWSP Alor Setar

s.k : **Pengarah,**
Pejabat KWSP Wilayah Utara,
Menara KWSP, Tingkat 5,
Jalan Sultan Ahmad Shah,
10050 Georgetown,
Pulau Pinang